



PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA
(The Scouts Association of Malaysia)

PERMOHONAN PENDAFTARAN DAERAH

Negeri

Daerah

Persekutuan Pengakap Malaysia Daerah

Tarikh ditubuhkan

Hendaklah dibuat sebanyak tiga (3) salinan dan sertakan dengan Undang-Undang yang dicadangkan dan hantarkan kepada Setiausaha Majlis Pengakap Negeri yang akan menghantarkannya pula kepada Ketua Setiausaha Eksekutif, Persekutuan Pengakap Malaysia.

Jika Pendaftaran disahkan oleh Jawatankuasa Pendaftaran, dua keping daripada borang ini akan dikembalikan kepada Setiausaha, Majlis Pengakap Negeri, yang akan menyimpannya sekeping untuk pengetahuannya dan menghantarkannya yang sekeping lagi itu kepada Setiausaha, Persekutuan Pengakap Malaysia Daerah.

Luas Kawasan Persekutuan Pengakap Malaysia Daerah

.....

Nama S.U. Kht., PPM Daerah

Alamat

.....

KENYATAAN PERSEKUTUAN – Persekutuan bercadang mentadbirkan kumpulan-kumpulan yang berikut:-

Nombor pendaftaran Ibu Pejabat Pengakap Malaysia (jika ada ditetapkan)	Nama Kumpulan	Nama Persekutuan Pengakap Tempatan Lama (jika ada) yang telah didaftarkan dahulu

Tandatangan
S.U. Kehormat, PPM Daerah

Dihantar kepada Ibu Pejabat, PPM oleh
S.U. Kht., M.P. Negeri Pada

Disahkan
Pesuruhjaya PPM Daerah

UNTUK KEGUNAAN IBU PEJABAT

Tauliah dikeluarkan
Tarikh Pendaftaran:

Disahkan
(Tandatangan Pesuruhjaya Pengakap Negeri atau S.U. Kht., M.P. Negeri bagi pihaknya).

No. Pendaftaran PPM/D:

CONTOH UNDANG-UNDANG UNTUK MAJLIS PENGAKAP DAERAH

Majlis Pengakap Daerah apabila hendak didaftarkan mestilah menerima Undang-Undang menurut contoh Borang ini.

Tiga set Borang ini yang telah siap disempurnakan, selepas disahkan oleh Pemimpin Pengakap yang menjaga Daerah, hendaklah dihantarkan kepada Ibu Pejabat, Persekutuan Pengakap Malaysia melalui S.U. Kht., Majlis Pengakap Negeri. Apa jua pindaan di dalam Undang-Undang ini mestilah dihantarkan dengan cara yang sama.

UNDANG-UNDANG BAGI MAJLIS PENGAKAP DAERAH

1. Majlis ini dinamakan Majlis Pengakap Daerah
2. **KERJA-KERJANYA:**
 - (a) Memelihara dan menggalakkan Pergerakan Pengakap dalam Daerah dengan seberapa kurang yang boleh mencampuri kebebasan dan ikhtiar Kumpulan-Kumpulan Pengakap yang didaftarkan.
 - (b) Mengerjakan, sepertimana yang telah ditetapkan, dan segala perkara yang diperuntukkan kepadanya di bawah "Dasar Pertubuhan dan Undang-Undang Persekutuan Pengakap", khasnya berkenaan Tauliah-Tauliah di bawah Bahagian VI, Pangkat-Pangkat Yang Tidak Bertauliah dan Kehormat di bawah Undang-Undang 155-156, Pendaftaran Kumpulan di bawah Undang-Undang 177-196.
 - (c) Menjaga hal kewangan Kumpulan, lantikan Jawatankuasa Kumpulan menurut di bawah Undang-Undang 202-203, dan pertubuhan Badan Amanah yang sempurna untuk harta benda Kumpulan menurut Undang-Undang 204-206.
 - (d) Bertanggungjawab di atas menghadihkan semua lencana dan mengaturkan pemeriksaan ujian bagi Lencana Kepandaian Pengakap.
 - (e) Majlis Pengakap Daerah hendaklah juga mencari dan mentadbirkan wang perbelanjaan bagi menjalankan pekerjaan dan membantu Kumpulan-kumpulan dalam Daerahnya dengan cara yang sesuai, asalkan semua cara mencari wang itu menurut Undang-Undang Seksyen VII. Wang dan harta benda ditadbirkan menurut Undang-Undang 148-150.
 - (f) Majlis Pengakap Daerah hendaklah memberi sokongan penuh dan bantuan kepada Pesuruhjaya Pengakap Daerah dalam kerjanya seperti tersebut di bawah Undang-Undang 124-126 dan hendaklah menerimanya sebagai kuasa yang tertentu menurut D.P.U. (P.O.R.) bagi latihan, pentadbiran dan kemajuan Pergerakan Pengakap dalam Daerah.

Jika berlaku perselisihan di antara Pesuruhjaya Pengakap Daerah dan Majlis Pengakap Daerah, Majlis Pengakap Daerah hendaklah menurut peraturan yang ada tersebut di dalam U.P.U. dan serahkan perselisihan itu kepada Pesuruhjaya Pengakap Negeri bagi pertimbangan dan keputusannya.
3. **DASAR:** Segala keputusan hendaklah sentiasa menurut Dasar, Pertubuhan dan Undang-Undang Persekutuan Pengakap Malaysia.
4. **AHLI-AHLI:**
 - (a) Dipilih – Ahli-ahli yang dipilih hendaklah daripada orang awam, yang dahulunya menjadi Pengakap, Ibu bapa Pengakap dan lain-lain.

Mereka ini membayar yuran sebanyak RM setahun kepada Majlis Pengakap Daerah.

- (b) **Ahli-ahli Rasmi** – Semua Pemimpin yang bertauliah (melainkan Penolong Pemimpin Pengakap) bagi Kumpulan yang didaftarkan di dalam Daerah yang ditadbirkan oleh Majlis Pengakap Daerah bersama-sama dengan Pesuruhjaya Pengakap Daerah dan semua Penolong Pesuruhjaya Pengakap Daerah adalah menjadi Ahli Rasmi kepada Majlis Pengakap Daerah.
- (c) Hak Mengundi – Ahli yang telah dilantik dan membayar yuran tahunannya pada tahun itu dan ahli rasmi sahaja boleh mengundi pada mesyuarat Majlis Pengakap Daerah, atau dilantik bagi sesuatu jawatan di dalam Majlis Pengakap Daerah menurut Undang-Undang ini.
5. **JAWATANKUASA KERJA:** Jawatankuasa Kerja Majlis Pengakap Daerah hendaklah mengandungi Pengerusi, Pesuruhjaya Pengakap Daerah, seorang Penolong Pesuruhjaya Pengakap Daerah, Setiausaha Kehormat, kesemuanya menjadi ahli rasmi dan 4 ahli Biasa dan 5 Pemimpin Pengakap daripada Kumpulan kesemuanya hendaklah dilantik pada Mesyuarat Agung Tahunan. Jawatankuasa Kerja akan bertanggungjawab di atas pentadbiran segala wang Majlis. Dasar Kewangan hendaklah pada setiap waktu dikawal dengan Undang-Undang yang dibuat daripada masa ke semasa oleh Jawatankuasa Kewangan, Majlis Pengakap Negeri
.....Jawatankuasa ini hendaklah mengadakan sekurang-kurangnya 4 kali mesyuarat dalam setahun dan 5 ahli yang hadir adalah mencukupi koram.
- JAWATANKUASA KECIL LENCANA:** Jawatankuasa Kecil ini adalah dilantik oleh Jawatankuasa Kerja dan mengandungi Pengerusi Majlis Pengakap Daerah, Pesuruhjaya Pengakap Daerah, seorang Setiausaha Lencana (kalau boleh janganlah Pemimpin Pengakap) dan 3 orang ahli, sekurang-kurangnya seorang daripadanya mestilah Pemimpin Pengakap daripada Kumpulan; semuanya hendaklah Ahli-Ahli Majlis Pengakap Daerah.
6. **PILIHAN:** Calon bagi jawatan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari, Ahli-Ahli Biasa dan Pemimpin Pengakap bagi Jawatankuasa Kerja hendaklah dicadangkan dan disokong pada Mesyuarat Agung Tahunan. Jika lebih daripada seorang calon dicadangkan dan disokong bagi sesuatu jawatan maka hendaklah diadakan undian sulit (dengan kertas).
- Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah memilih 2 Ahli Biasa dan seorang Pemimpin Pengakap daripada Kumpulan sebagai wakil kepada Majlis Pengakap Negeri
..... (Pesuruhjaya Pengakap Daerah dan Setiausaha Kht., Majlis Pengakap Daerah adalah menjadi ahli rasmi kepada Majlis ini). Semua nama dan alamat Ahli yang dipilih di bawah Undang-Undang ini hendaklah dihantarkan kepada Setiausaha Kehormat, Majlis Pengakap Negeri dan Ibu Pejabat, Persekutuan Pengakap Malaysia dalam tempoh seminggu selepas Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.
7. **MESYUARAT AGUNG TAHUNAN:** Mesyuarat Agung Tahunan Majlis Pengakap Daerah hendaklah diadakan selepas 1 Januari dan sebelum 31 Mac pada tiap-tiap tahun. Semua ahli hendaklah diberitahu dengan surat 10 hari terlebih dahulu berkenaan Mesyuarat ini. Maklumat-maklumat hendaklah diberikan kepada Setiausaha Kht., dengan surat, di atas sebarang perkara yang hendak dicadangkan oleh mana-mana ahli tidak lewat daripada 3 hari sebelum Mesyuarat ini. Lima belas ahli yang hadir adalah mencukupi koram.
8. **MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA:** Sesuatu Mesyuarat Agung Luar Biasa bagi Majlis ini boleh diadakan:-
- (a) Di atas arahan Pesuruhjaya Pengakap Negeri
- (b) Di atas arahan Pesuruhjaya Pengakap
- (c) Di atas arahan dengan surat kepada Setiausaha Kht., oleh tidak kurang daripada 10 ahli Majlis
- Tiap-tiap ahli hendaklah diberitahu dengan surat 7 hari terlebih dahulu berkenaan mesyuarat seperti ini dan tujuan mesyuarat itu diadakan.
9. **PENYATA TAHUNAN:** Setiausaha Kht., hendaklah membentangkan penyata yang bertulis di atas kerja-kerja Majlis Pengakap daerah dalam setahun yang lepas. Penyata ini adalah menjadi penyata Jawatankuasa Kerja.

10. PENYATA KIRA-KIRA: Bendahari Kht., hendaklah membentangkan penyata kira-kira Majlis Pengakap Daerah bagi tahun yang lepas yang telah diperiksa oleh Pemeriksa Kira-Kira bersendirian yang telah dilantik di Mesyuarat Agung Tahunan.
11. PEMERIKSA KIRA-KIRA: Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah melantik Pemeriksa Kira-Kira bersendirian bagi tahun yang akan datang.
12. KIRA-KIRA WANG: Kira-Kira Wang Majlis Pengakap Daerah hendaklah ditutup pada 31 Disember dan salinan kira-kira yang telah siap diperiksa itu hendaklah dihantarkan kepada Bendahari Kht., Majlis Pengakap Negerisebelum 31 Januari.
13. PENYATA: Penyata dan kira-kira Majlis Pengakap Daerah hendaklah dibentangkan di Mesyuarat Agung Tahunan, Majlis Pengakap Negeri
14. PESURUHJAYA PENGAKAP NEGERI: Pesuruhjaya Pengakap Negeri hendaklah diberitahu berkenaan semua Mesyuarat Majlis Pengakap dan ia berhak menghadiri dan mengundi di sebarang mesyuarat ini.
15. PERUBAHAN DAN PINDAAN: Undang-Undang tersebut tidak boleh diubah atau dipinda tanpa pengesahan dan surat daripada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara.

DIAKUI YANG UNDANG-UNDANG INI TELAH DITERIMA OLEH SEBILANGAN BESAR AHLI MAJLIS PENGAKAP DAERAH PADA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN/MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA YANG TELAH DIADAKAN PADA

Tarikh: Tandatangan: Setiausaha Kehormat

Majlis Pengakap Daerah:

Disahkan: Pesuruhjaya Pengakap PPM Daerah

Disahkan: Pesuruhjaya Pengakap PPM Negeri

Tarikh: Diakui dan disahkan:

Ketua Setiausaha Eksekutif
b/p Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara